

03/05/1998

Dua akhbar Britain terus burukkan Malaysia

Azizi Othman in London

LONDON: Akhbar The Independent meneruskan serangannya terhadap Malaysia dengan menyiarkan satu lagi rencana yang memberi gambaran buruk mengenai layanan pihak berkuasa terhadap pendatang tanpa izin di kem tahanan sementara.

Rencana utama di muka 12 akhbar The Independent yang diterbitkan di London, semalam menyiarkan artikel bertajuk Kisah Ngeri Dari Kem Tahanan Malaysia sebagai berita utamanya.

Seperti biasa, diiringi dengan tajuk kecil 'Kerajaan yang dulunya menyambut kedatangan pekerja asing kini menggunakan polis antirusuhan untuk menghalang mereka', turut memaparkan gambar kekecohan di Semenyih.

Laporan The Independent itu dikeluarkan sehari selepas ia menyiarkan artikel bertajuk 'Mahathir sekat Independent berikutan kemarahan kepada akhbar' sebagai berita kedua utamanya, kelmarin.

The Independent mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menuduh wartawan Britain cuba merosakkan Malaysia dan menyalahkan mereka sebagai penyebab kegawatan ekonomi.

Disertai dengan keratan laporan kontroversinya Isnin lalu, laporan itu juga mendakwa bahawa The Independent dan The Observer kini tidak lagi dibenar diedarkan di Malaysia.

Laporan utama di muka yang sama akhbar itu kelmarin ialah mengenai teori konspirasi Malaysia-Indonesia dalam kes pendatang tanpa izin yang kononnya dilakukan berikutan persefahaman di antara kedua negara.

Laporan itu, dengan tajuk Polis Malaysia culik pendatang Indonesia cuba memberi gambaran seolah-olah Malaysia membantu Indonesia untuk membawa pulang aktivis politik negara itu yang melarikan diri.

Dalam artikel semalam, The Independent menyiarkan temu bual yang dikatakan diadakan di antara wartawannya dengan Nasir, pendatang tanpa izin yang kini terlantar di Hospital Kuala Lumpur (HKL) kerana didera di kem tahanan.

Menurutnya, Nazir yang dikawal dua anggota keselamatan, terlalu takut untuk membuka mulutnya dengan alasan dia akan dipukul dan didera jika berbuat demikian. Dia juga dikatakan digari pada katilnya.

Dalam rencana itu, temu bual terbabit dikatakan dibuat ketika polis terbabit pergi makan tengah hari dan ia menceritakan kononnya Nasir didera, dicerca malah ditembak, hanya kerana melarikan diri dari kem tahanan.

Turut disiarkan dalam artikel itu ialah apa yang didakwa The Independent sebagai latar belakang isu itu, dengan kononnya Malaysia satu ketika dulu amat terdesak sehingga sanggup 'menerima kemasukan pekerja tanpa izin' untuk menyokong pertumbuhan ekonominya.

(END)